



KI 3 PERSEKITARAN YANG KONDUSIF DAN BERDAYA HUNI

(Conducive and Livable Environment)

Persekitaran yang kondusif, berkualiti dan berdaya huni merupakan aspek yang penting dalam pembangunan sesebuah kawasan petempatan. Matlamat untuk mewujudkan satu persekitaran yang kondusif dan berdaya huni, perlu menitikberatkan keterangkuman nilai kesejahteraan dan keselesaan dalam penyediaan ruang tempat tinggal dan persekitarannya tanpa mengira perbezaan demografi dan sosioekonomi komuniti.

“

Persekitaran kondusif, berkualiti dan berdaya huni adalah merujuk kepada kawasan kediaman yang dilengkapi dengan prasarana awam serta ruang khusus bagi tujuan aktiviti sosial dan ekonomi ke arah membentuk masyarakat sejahtera

”

Penekanan diberikan kepada elemen dan ciri-ciri ruang kejiranan yang berkualiti, selesa, selamat dan mempunyai kebolehcapaian yang baik bagi komuniti setempat sama ada di kejiranan bandar atau luar bandar. Tindakan yang dicadangkan menerapkan elemen-elemen yang memperkasa golongan sasaran agar tahap inklusif dapat diperkukuh bagi mencapai matlamat masyarakat sejahtera.

Bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan berdaya huni, kawasan petempatan dan kejiranan perlulah lengkap dan mampan dengan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan asas mengikut piawaian dan keperluan semasa serta keperluan-keperluan sosial.



HALA TUJU STRATEGIK KI 3

PERSEKITARAN YANG KONDUSIF DAN BERDAYA HUNI

KI 3.1

Mempergiat Pelaksanaan Konsep Kejiranan Komuniti Menerusi Penyediaan Ruang dan Kemudahan untuk Kegunaan Bersama

KI 3.2

Membangunkan Kemudahan Masyarakat secara Bersepadu dan Kondusif

KI 3.3

Mengarusperdanakan Gaya Hidup Bersih, Sihat dan Selamat dalam Perancangan dan Pembangunan

**STRATEGI
KI 3.1**

**MEMPERGIAT PELAKSANAAN KONSEP KEJIRANAN KOMUNITI
MENERUSI PENYEDIAAN RUANG DAN KEMUDAHAN UNTUK
KEGUNAAN BERSAMA**



Konsep kejiranan komuniti dapat membentuk masyarakat yang lebih inklusif dan memberi manfaat kepada penduduk dengan menetap di sesebuah tempat yang boleh menawarkan tempat untuk tinggal, bermain dan bekerja.

Kejiranan komuniti juga dapat memupuk setiap ahli komuniti memiliki rasa kepunyaan dan prihatin terhadap harta benda, ruang dan fasiliti yang dikongsi bersama. Ini dapat melahirkan rasa tanggungjawab terhadap komuniti dan kawasan tempat tinggal, sekali gus mengelakkan permasalahan seperti vandalisme dan lain-lain masalah sosial.

Melalui strategi ini, konsep kejiranan komuniti dapat dipergiatkan dan diperkasakan menerusi kelestarian persekitaran, kebolehcapaian kejiranan, keselamatan komuniti dan harta benda.

Selaras dengan pembangunan ekonomi di bandar-bandar, perhatian juga perlu diberikan kepada pembangunan infrastruktur, utiliti dan kemudahan awam di setiap kejiranan.

Konsep kejiranan komuniti seharusnya dapat memberikan kemudahan tempat tinggal yang selamat, tempat beriadah yang mencukupi, dilengkapi dengan bekalan air, elektrik dan telekomunikasi yang cekap serta sistem pengangkutan yang baik.

Selain itu, strategi ini juga memfokuskan kepada tiga (3) tindakan utama dalam memastikan konsep kejiranan komuniti dapat diamalkan di kawasan kejiranan di Malaysia.

Tindakan-tindakan ini memperincikan langkah pelaksanaan dari segi penyediaan ruang kemudahan yang boleh digunakan secara bersama, membangunkan persekitaran yang mudah diakses, dan mengarusperdana amalan gaya hidup bersih, sihat dan selamat dalam kawasan tempat tinggal penduduk terutama di kawasan bandar-bandar utama.



Ruang riadah di kawasan komuniti Presint 14, Putrajaya

TINDAKAN KI 3.1A

Mewujudkan ruang interaksi komuniti untuk kegunaan awam

Ruang *placemaking* boleh dilaksanakan di kawasan-kawasan perumahan dan bandar lama dengan menyuntik aktiviti dan daya tarikan baharu yang bersesuaian dengan kehendak generasi muda dan komuniti setempat. Selain itu, ia berperanan untuk membantu mengembalikan aktiviti kehidupan dan pekerjaan di kawasan yang semakin ditinggalkan.

Placemaking lebih mudah untuk dilaksanakan jika ruang-ruang awam dalam sesuatu kawasan itu dijadikan sebagai ruang interaksi komuniti dan juga ruang kehidupan dalam menjalankan aktiviti seharian.

Tanah-tanah dan ruang-ruang yang kosong dan terbiar digalakkan untuk pembangunan yang memberi daya tarikan baharu bagi mengembalikan suasana kehidupan yang aktif di kawasan tersebut.

Kawasan-kawasan ini berpotensi untuk dijadikan taman kecil yang dilengkapi dengan tempat duduk dan ruang lapang untuk tujuan rekreasi dan bersosial. Manakala, lorong-lorong boleh dijadikan ruang untuk berniaga, kawasan pameran aktiviti seni dan sebagainya.

Sebagai contoh, lorong belakang Jalan Alor di Bukit Bintang, Kuala Lumpur yang berubah daripada lorong belakang kedai yang kotor, menjadi sebuah lorong seni jalanan. Ruang *placemaking* berkenaan diperluas kegunaannya, bukan sahaja bagi tujuan pembentukan identiti tetapi juga dijadikan kawasan penajaan ekonomi bagi masyarakat setempat.

Sehubungan itu, terdapat beberapa langkah pelaksanaan dalam memastikan tindakan ini dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Mengalakkan penyediaan ruang *placemaking* untuk kegunaan awam bagi pembangunan baharu.
2. Memastikan ruang *placemaking* mempunyai aksesibiliti yang boleh dihubungkan dengan rangkaian pengangkutan awam atau kenderaan persendirian sebagai tarikan pengunjung.
3. Cadangan komponen di ruang ini perlu mempunyai identiti yang menarik dan mengikut trend perkembangan semasa seperti inkubator yang juga dapat memberi manfaat bagi tujuan komersial.



Seni jalanan belakang rumah kedai di Sungai Melaka

AGENSI BERKEPENTINGAN

Agensi Utama

- Pihak Berkuasa Tempatan
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)

Agensi Sokongan

- PLANMalaysia
- PLANMalaysia@Negeri

TINDAKAN KI 3.1B

Menyediakan rangkaian pejalan kaki dan basikal yang menyeluruh untuk kemudahan komuniti

Aspek penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal telah diiktiraf oleh pihak kerajaan sebagai salah satu komponen penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui pembangunan perbandaran yang mampan.

Penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal juga dapat membantu menyelesaikan pelbagai masalah yang berkaitan dengan lalu lintas, antaranya kesesakan jalan raya, pelepasan karbon dan kemalangan jalan raya.

Usaha mewujudkan kemudahsampaian yang bersambungan melalui penyediaan kemudahan laluan berjalan kaki dan laluan basikal juga merupakan salah satu komponen utama dalam Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau.

Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Negara telah mengenal pasti bahawa inisiatif penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal merupakan salah satu langkah segera yang perlu dilaksanakan bagi mengurangkan intensiti pelepasan karbon yang mencemarkan alam sekitar.

Kepentingan penyediaan laluan pejalan kaki boleh dibahagikan kepada beberapa aspek seperti:

- Pengaturcaraan Lalu Lintas
- Pembaikan Ekonomi Bandar
- Pembaikan Mutu Alam Sekitar
- Faedah Sosial

Bagi memastikan penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal secara menyeluruh, langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan:

1. Membentuk dan melaksanakan pelan induk rangkaian laluan pejalan kaki dan basikal di kawasan bandar.
2. Menyediakan laluan pejalan kaki sebagai penghubung utama aktiviti-aktiviti kepada stesen-stesen transit atau pusat-pusat tumpuan.
3. Pengasingan laluan pejalan kaki dengan basikal terutama di kawasan pembangunan perbandaran baharu.



Laluan pejalan kaki di tengah-tengah Bukit Bintang

AGENSI BERKEPENTINGAN

Agensi Utama

- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Sokongan

- PLANMalaysia
- PLANMalaysia@Negeri

**STRATEGI
KI 3.2**

**MEMBANGUNKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT SECARA BERSEPADU
DAN KONDUSIF**

Menjelang tahun 2040, penyediaan kemudahan masyarakat perlu dipertingkatkan selaras dengan peningkatan jumlah penduduk pada masa hadapan untuk menjamin kesejahteraan penduduk dan menyokong kehidupan bermasyarakat. Penekanan perlu diberikan terhadap aspek peletakan, kuantiti yang mencukupi berbanding jumlah penduduk dan kualiti kemudahan supaya dapat memastikan keseimbangan penyediaan pembangunan di kawasan bandar dan luar bandar.

PERKAITAN
SDGs

- >SDG3 >SDG4
- >SDG9 >SDG11
- >SDG17

Kemudahan yang harus disediakan perlulah berkualiti dan dipertingkatkan penggunaannya termasuk kemudahan kesihatan, pendidikan, sukan dan kemudahan awam di kejiranan komuniti.

Kawasan berkepadatan tinggi terutamanya di bandar-bandar utama pula digalakkan untuk menyediakan ruang kemudahan secara pembangunan bercampur dan pembangunan pelbagai kegunaan supaya penggunaan ruang dapat digunakan secara maksimum. Penyediaan kemudahan kesihatan juga boleh diintergrasi dalam kemudahan bersepadu supaya dapat memastikan akses yang menyeluruh kepada penjagaan kesihatan.

Selain itu, penyediaan kemudahan perkuburan secara bersepadu digalakkan seiring dengan perkembangan urbanisasi yang berlaku di seluruh negara masa kini.

Setiap lapisan masyarakat berhak untuk mendapatkan aksesibiliti dan kualiti terhadap kemudahan masyarakat melalui penerapan reka bentuk sejagat di persekitaran tempat tinggal penduduk.

Pihak berkepentingan hendaklah merancang dan mereka bentuk kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang dapat memenuhi keperluan akses oleh semua golongan individu termasuk kanak-kanak, warga emas dan golongan orang kelainan upaya (OKU). Penyediaan kemudahan masyarakat mampu memberi manfaat serta memenuhi kehendak masyarakat setempat dan mencapai matlamat pembangunan mampan.



Kompleks Terminal Larkin Sentral yang merangkumi terminal bas, masjid, ruang perniagaan dan pasar basah awam.

TINDAKAN KI 3.2A

Memastikan penyediaan kemudahan masyarakat secara bersepadu mengikut keperluan komuniti setempat di lokasi yang mudah akses

Penyediaan kemudahan masyarakat secara berpusat diperlukan di lokasi yang mudah diakses oleh masyarakat terutama di kawasan bandar-bandar utama yang mengalami kepesatan pembangunan dan kekurangan tanah untuk dibangunkan.

Penyediaan kemudahan perlu mencukupi dari segi kuantiti dan kualiti, kerana ia bukan sahaja menggambarkan perubahan permintaan tetapi juga sebagai indikator tahap pembangunan mampan negara ke arah pembentukan komuniti sejahtera.


Pembangunan kemudahan masyarakat bersepadu di bawah satu bumbung sama ada secara *vertical* mahupun *horizontal* dapat mengoptimumkan ruang pembangunan di sesebuah kawasan terutama di kawasan yang berkepadatan tinggi.

Pelbagai jenis kemudahan awam yang boleh diberi perhatian antaranya kemudahan kesihatan, terminal pengangkutan, pasar awam, pusat aktiviti masyarakat dan kemudahan sukan untuk ditempatkan dibawah satu bumbung dengan konsep *one stop center*.

Selain itu, ia juga dapat meningkatkan lagi kemudahsampaian dan juga memudahkan penduduk setempat untuk mendapatkan perkhidmatan di pusat sehenti.

Langkah-langkah untuk menyediakan kemudahan masyarakat bersepadu adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan pembangunan kemudahan masyarakat secara menegak (*vertical*) mengikut keperluan utama yang diperlukan oleh masyarakat setempat bagi kawasan yang mempunyai kesediaan tanah pembangunan yang terhad.
2. Mencadangkan kemudahan secara bersepadu mengikut lokaliti setempat bagi memudahkan masyarakat untuk mendapatkan pelbagai jenis perkhidmatan di satu tempat sahaja tanpa perlu bergerak jauh ke tempat lain.
3. Memerlukan garis panduan perancangan kemudahan masyarakat bersepadu yang merangkumi pembangunan secara menegak.
4. Menempatkan kemudahan kesihatan seperti klinik kesihatan atau klinik komuniti sebagai salah satu keperluan dalam kompleks kemudahan masyarakat bersepadu.
5. Membangunkan kemudahan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) secara bersepadu bagi persediaan kepada negara masyarakat menua.
6. Menggalakkan kerjasama antara agensi dan pemaju dalam membangunkan kemudahan bagi tujuan kepentingan komuniti.



Pembangunan kemudahan masyarakat bersepadu – pelbagai jenis kemudahan masyarakat di dalam satu bangunan.

Rajah 6-6: Gambaran Konsep Pembangunan Kemudahan Masyarakat Bersepadu

AGENSI BERKEPENTINGAN

Agensi Utama

- Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Sokongan

- Pihak Berkuasa Negeri
- PLANMalaysia@Negeri

TINDAKAN KI 3.2B

Menyediakan kawasan perkuburan secara bersepadu di lokasi yang strategik

Tanah perkuburan Islam dan bukan Islam merupakan salah satu kemudahan awam yang perlu diambil kira dalam perancangan sesebuah kawasan kejiranan.

Peningkatan kadar urbanisasi terutamanya di bandar-bandar utama mengakibatkan keperluan tanah bagi kawasan perkuburan adalah terhad. Sehubungan itu, perancangan yang strategik diperlukan dalam penyediaan dan pengurusan tanah perkuburan bagi memastikan penggunaan tanah perkuburan yang lebih optimum di lokasi yang strategik.

Oleh yang demikian, langkah-langkah yang boleh diperhalusi oleh semua pihak untuk melaksanakan tindakan ini adalah:

1. Merancang penyediaan kawasan perkuburan secara berpusat di peringkat negeri supaya mudah diuruskan dan diselenggarakan untuk jangka masa yang panjang. Pengurusan tanah perkuburan perlu memastikan penggunaan tanah secara optimum melalui penyusunan ruang kubur yang teratur dan dapat menjimatkan tanah sebaik mungkin.
2. Menyediakan pelan induk perkuburan nasional dan diintegrasikan dalam penyediaan rancangan struktur dan rancangan tempatan.
3. Menambah baik penggunaan tanah melalui penyediaan kawasan perkuburan yang disepadukan dengan kegunaan tanah untuk tujuan lain seperti kawasan rekreasi, rizab rentis, zon penampian, dan kawasan lapang.
4. Membangunkan perkuburan secara bertingkat di bandar-bandar utama yang mempunyai keperluan tanah yang terhad dan kepadatan penduduk yang tinggi terutamanya dalam kawasan nod pertumbuhan utama.

FAKTA RINGKAS

Penggunaan "Double Depth Lawn Crypt"

Double Depth Lawn Crypt merupakan salah satu kaedah yang digunakan di beberapa buah negara luar untuk menjimatkan keperluan tanah perkuburan. Kaedah ini membolehkan dua mayat disemadikan dalam satu ruang perkuburan. Strategi ini mampu memanjangkan jangka hayat tanah perkuburan sebanyak dua kali ganda dan sesuai diamalkan di kawasan yang mempunyai kesediaan tanah perkuburan yang terhad.

Sumber: wilbertcemeteryconstruction.com



AGENSI BERKEPENTINGAN

Agensi Utama

- Pihak Berkuasa Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan
- Majlis Agama Islam Negeri

Agensi Sokongan

- PLANMalaysia
- PLANMalaysia@Negeri

TINDAKAN KI 3.2C

Menerapkan prinsip reka bentuk sejagat dalam penyediaan kemudahan masyarakat

Reka bentuk sejagat didefinisikan sebagai reka bentuk persekitaran dan produk yang boleh digunakan secara meluas oleh semua golongan individu tanpa memerlukan sebarang adaptasi atau rekaan khas.

Prinsip reka bentuk sejagat (*universal design*) (Rajah 6-7) perlu diterapkan dalam pembangunan persekitaran bagi memenuhi keperluan semua golongan individu tanpa mengira peringkat umur, saiz dan keupayaan fizikal.

Penerapan reka bentuk sejagat dalam reka bentuk dan susun atur membolehkan kemudahan-kemudahan yang disediakan dapat diakses oleh semua golongan masyarakat dan pengguna.

Sebagai contoh, penyediaan *ramp* bukan sahaja dapat memudahkan aksesibiliti oleh golongan OKU yang menggunakan kerusi roda tetapi juga dapat memudahkan perjalanan seorang ibu dengan kereta sorong bayi dan seorang pekerja yang menolak troli barangan.

Berbeza dengan konsep perancangan pembangunan yang lain, pendekatan reka bentuk sejagat mengintegrasikan sebaik mungkin kemudahan-kemudahan untuk digunakan oleh semua golongan individu secara inklusif tanpa pengasingan.

Penyediaan kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar berkonsepkan reka bentuk sejagat perlu memenuhi elemen-elemen perancangan seperti mudah sampaian yang tinggi, selamat, selesa dan mesra pengguna.



Rajah 6-7: Prinsip-prinsip Reka bentuk Sejagat
Sumber: GPP Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*), 2011

Sehubungan itu, bagi memastikan kemudahan masyarakat disediakan mengikut piawaian dan menerapkan prinsip reka bentuk sejagat, terdapat beberapa langkah yang boleh dilaksanakan, antaranya adalah:

1. Memastikan cadangan pembangunan baru menerapkan konsep reka bentuk sejagat.
2. Menambah baik persekitaran perbandaran semasa dengan menerapkan elemen reka bentuk sejagat supaya kemudahan-kemudahan ini lebih fleksibel, selesa dan mudah digunakan.
3. Menyediakan persekitaran yang mudah diselenggara dan diuruskan oleh pihak yang bertanggungjawab.

AGENSI BERKEPENTINGAN	
<p>Agensi Utama</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pihak Berkuasa Negeri • Pihak Berkuasa Tempatan 	<p>Agensi Sokongan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kerja Raya • PLANMalaysia • PLANMalaysia@Negeri • Jabatan Kebajikan Masyarakat

**STRATEGI
KI 3.3**
MENGARUSPERDANAKAN GAYA HIDUP BERSIH, SIHAT DAN SELAMAT DALAM PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

Peningkatan gaya hidup bersih, sihat dan selamat merupakan pemangkin utama untuk menghasilkan masyarakat sejahtera. RFN4 menekankan persekitaran yang bersih, sihat dan selamat bertujuan untuk membantu memastikan pembangunan komprehensif dan sistematik dengan elemen yang sihat dari sudut fizikal, mental dan kesejahteraan sosial.



Persekitaran sihat, bersih dan selamat dapat mempromosi dan melindungi kesihatan dan keselamatan komuniti di kawasan tempat tinggal mereka terutamanya di kawasan yang berkepadatan tinggi. Penerapan amalan hijau dalam komuniti pula bertujuan untuk memperluas penggunaan teknologi hijau untuk meningkatkan kelestarian alam sekitar disamping menangani isu perubahan iklim keseluruhannya.

Aspek kesihatan merupakan salah satu ciri utama dalam bandar berdaya huni yang menyumbang kepada kelestarian sesebuah bandar. Lantaran itu, setiap pihak berkepentingan termasuklah penduduk perlu bertanggungjawab untuk bersama-sama memainkan peranan dalam menjadikan setiap kejiranan sebagai petempatan yang lebih baik dan berkualiti terutama di kawasan-kawasan terkesan oleh pencemaran.

Hal ini memerlukan galakan dan mobilisasi infrastruktur dan kemudahan ke arah perkhidmatan penjagaan persekitaran yang berkualiti serta menggalakkan kesedaran penduduk terhadap gaya hidup bersih, sihat dan selamat.



Aktiviti riadah komuniti di taman-taman awam

TINDAKAN KI 3.3A

Menggalakkan amalan hijau dalam komuniti

Galakan amalan hijau dalam komuniti yang telah dilaksanakan di beberapa buah negara didapati telah berjaya membantu mengurangkan pengeluaran karbon, kesan pulau haba (*urban heat island*) dan mewujudkan kualiti persekitaran hidup dan suasana yang lebih baik bagi kawasan berkenaan.

Maka, selaras dengan komitmen negara bagi mengurangkan pelepasan karbon, pelbagai inisiatif bagi menggalakkan amalan hijau perlu dilaksanakan dengan segera, terutamanya di peringkat negeri, PBT, pihak swasta dan masyarakat itu sendiri.

Selain itu, inisiatif menggalakkan amalan hijau dalam komuniti termasuklah penyediaan lebih banyak ruang hijau, memanfaatkan tenaga boleh baharu, mengguna pakai konsep 3R (*reduce, reuse and recycle*) dalam pembangunan dan aktiviti harian.

Justeru, langkah-langkah untuk menggalakkan amalan hijau dalam komuniti adalah:

1. Memastikan pembangunan sedia ada dan pembangunan yang dirancang menyediakan kemudahan yang sesuai bagi aktiviti amalan hijau seperti tempat khas bagi pengasingan sisa, kawasan kebun komuniti dan sebagainya.
2. Membangunkan sekurang-kurangnya sebuah pusat kitar semula komuniti dalam setiap kejiranan di seluruh negara supaya memudahkan penduduk untuk bergerak dan menggalakkan mereka mengitar semula barangan terpakai.
3. Memanfaatkan kawasan hijau dan kawasan terbiar dijadikan kebun komuniti.
4. Memastikan perancangan dan pembangunan memberi penekanan terhadap penggalakan amalan hijau menerusi reka bentuk, peletakan dan teknologi.



Kebun Komuniti Seksyen 8 Timur Shah Alam, Selangor



AGENSI BERKEPENTINGAN

Agensi Utama

- Pihak Berkuasa Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Sokongan

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- PLANMalaysia
- PLANMalaysia@Negeri

TINDAKAN KI 3.3B

Memperbanyakkan kawasan hijau dan meningkatkan fungsinya untuk dimanfaatkan sebagai ruang interaksi sosial

Kawasan hijau merupakan komponen utama dalam pembangunan komuniti setempat yang dapat memberi manfaat kepada penduduk terutama di kawasan bandar. Perluasan kawasan hijau di bandar-bandar utama bukan sahaja meningkatkan kedudukan daya saing bandar tetapi juga tahap daya huni dan kesejahteraan komuniti bandar.

Pada masa kini, semua pembangunan yang dikemukakan kepada PBT perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya 10% kawasan tanah lapang awam daripada keseluruhan pembangunan. Tanah lapang perlu disediakan berdasarkan hierarki, keluasan dan saiz tadahan penduduk mengikut keperluan di dalam **Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi**.

Kawasan hijau perlu diperkasa melalui peningkatan penyediaan kawasan hijau yang lebih berkualiti, pelbagai dan bersesuaian untuk rekreasi pasif dan aktif. Selain itu, kepelbagaian kawasan hijau dalam bentuk taman-taman rekreasi, taman permainan, kebun komuniti, kebun bandar dan taman atas bumbung akan menghasilkan reruang untuk komuniti beraktiviti.

Oleh yang demikian, langkah-langkah untuk memperkasa kawasan hijau dalam bandar adalah seperti berikut:

1. Mewartakan kawasan lapang dan taman bandar bagi mengekalkan keluasan kawasan hijau dan tidak disalah guna bagi aktiviti pembangunan lain.
2. Memastikan kawasan hijau berperanan sebagai ruang aktiviti komuniti setempat sama ada bagi tujuan rekreasi atau aktiviti bersesuaian yang boleh diakses semua lapisan masyarakat.
3. Mewujudkan dan menambah bilangan rangkaian hijau (*green network*) untuk tujuan rekreasi supaya dapat membentuk integriti ekologi kawasan kejiranan.
4. Memantapkan peranan PBT dalam menguatkuasa pelaksanaan *tree preservation order* (TPO) untuk memelihara pokok-pokok di dalam bandar yang mempunyai nilai-nilai atau ciri-ciri yang memberi manfaat kepada penduduk setempat dan alam persekitaran.
5. Melaksanakan penyelenggaraan secara berkala bagi memastikan fungsi kawasan hijau terus dapat dikekalkan.



Perancangan Kawasan Hijau di Kota Sultan Ahmad Shah, Pahang.

AGENSI BERKEPENTINGAN

Agensi Utama

- Pihak Berkuasa Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan
- Jabatan Landskap Negara

Agensi Sokongan

- PLANMalaysia
- PLANMalaysia@Negeri

TINDAKAN KI 3.3C

Memastikan persekitaran komuniti yang selamat

Persekitaran selamat bukan hanya meliputi keajiranan komuniti malah juga perbandaran. Ini selaras dengan kadar perbandaran yang terus meningkat menjelang tahun 2040 yang memerlukan penyediaan prasarana mencukupi dan berkualiti bagi menjamin keselamatan penghuninya.

Aspek keselamatan menjadi salah satu kriteria utama dalam meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap tahap daya huni sesebuah kawasan.

Dalam konteks keajiranan, tahap keselamatan yang tinggi memberi keyakinan kepada penduduk untuk mendiami kawasan tersebut.

Langkah-langkah pelaksanaan yang dicadangkan adalah:

1. Memperincikan Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat (*Crime Prevention Through Environmental Design, CPTED*) mengikut kesesuaian setempat.
2. Mengintegrasikan konsep bandar selamat dalam perancangan dan pembangunan baharu.
3. Menerapkan teknologi pintar dalam program bandar selamat seperti penyediaan *call box* / butang kecemasan di kawasan tumpuan utama bagi kawalan keselamatan sesebuah komuniti.



Rajah 6-8: Ciri-ciri Bandar Selamat

AGENSI BERKEPENTINGAN

Agensi Utama

- Pihak Berkuasa Tempatan
- Polis Diraja Malaysia

Agensi Sokongan

- PLANMalaysia
- PLANMalaysia@Negeri



Kawasan pusat bandar George Town yang mengaplikasikan ciri-ciri bandar selamat untuk pengunjung.